

Ulasan buku

Sumbangan masyarakat Melayu dalam penubuhan UM

Kuala Lumpur: Penerbitan buku bertajuk *Melayu dan Menara Gading Di Sebalik Penubuhan Universiti Malaya* bertujuan mengetengahkan peranan dan sumbangan masyarakat Melayu dalam penubuhan universiti terbabit di Singapura pada 1949.

Persoalan sama ada orang Melayu ada peranan atau sebaliknya dalam penubuhan UM di kota singa timbul apabila tulisan sedia ada, termasuk dihasilkan oleh sarjana tempatan mahupun antarabangsa dan laman web National University of Singapore (www.lib.nus.edu.sg) tidak membincangkan sumbangan disam-

paikan masyarakat berkenaan.

Sebaliknya, penulis memaklumkan tulisan sedia ada hanya memfokuskan peranan orang bukan Melayu, termasuklah kerajaan British dalam merealisasikan penubuhan UM di Singapura yang tidak boleh disangkal kewujudannya.

Berdasarkan sumber primer yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia, maka segala maklumat yang betul dan seimbang seharusnya diberikan kepada umum.

Beri pencerahan

Sehubungan itu, pengarang buku ini, terdiri daripada Zulkanain Abdul Rahman,

info

- Harga Buku: RM48
- Penerbit: UM Press
- Tahun terbitan: 2019
- Bilangan halaman: 161

Abdullah Zakaria Ghazali dan Abdullah Gani berusaha untuk memberi pencerahan kepada pembaca dengan mengenal pasti peranan dan sumbangan orang Melayu.

Sumbangan ini termasuk membabitkan orang persendirian, pemodal, cendekiawan, guru, pembesar dan Institusi Raja-Raja Melayu.

Menariknya, buku ini turut menjadi rujukan penting kepada masyarakat yang mahu menelusuri sejarah awal penubuhan UM.

Untuk pembelian buku ini secara dalam talian, boleh layari www.umpress.com.my atau dapatkannya di kedai buku terpilih.

Melayu dan Menara Gading

Di Sebalik
Penubuhan
Universiti Malaya

Zulkanain Abdul Rahman
Abdullah Zakaria Ghazali
Abdullah Gani